

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah pencapaian memerangi gejala rasuah demi mengembalikan keyakinan rakyat sejak Pilihan Raya Umum yang lepas.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah meletakkan Pembanteras Rasuah sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara. Usaha mentransformasikan negara dengan meletakkan Rasuah sebagai salah satu bidang keberhasilan negara telah menjadikan Malaysia sebagai tanda aras (*benchmark*) kepada negara-negara lain seperti Bhutan, Tanzania dan India.

Antara aspirasi utama kerajaan bagi membanteras rasuah di bawah NKRA adalah meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan serta mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan. Sehingga kini usaha membanteras rasuah melalui NKRA di bawah GTP telah membawa banyak perubahan yang positif serta telah meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan sektor awam/kerajaan. Ini telah dapat dilihat daripada keputusan Global Corruption Barometer (GCB) serta kaji selidik Frost and Sullivan terhadap usaha kerajaan membanteras rasuah di Malaysia.

Usaha Kerajaan melalui NKRA Membanteras Rasuah juga telah membuahkan hasil serta mendapat sambutan di kalangan sektor korporat di mana lebih 300 syarikat telah tampil menandatangani *Corporate Integrity Pledge* (CIP) dan bekerjasama dengan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha menyediakan langkah-langkah pencegahan rasuah dalam organisasi mereka.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diperkenalkan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Impak atau keberkesanan inisiatif-inisiatif ini ada yang dapat dilihat dalam masa yang singkat dan kebanyakannya pula merupakan inisiatif jangka panjang yang hanya akan dilihat atau dirasa keberkesanannya beberapa tahun akan datang kerana ia berbentuk pencegahan dan bukannya operasi.

Sekian, terima kasih